

Jambatan Sungai Rasau runtuh

» *Laluan dekat Masjid Meranti terbelah dua akibat struktur tanah lemah*

Oleh Zanariah Abd Mutalib
zanariah@bharian.com.my

► **Selangor**

Sebahagian jambatan Sungai Rasau di Kampung Batu 9, Pulau Meranti, di sini, runtuh petang semalam, dipercayai akibat struktur tanah yang tidak kukuh.

Runtuhan jambatan di laluan dua lorong yang menghala ke arah Puchong itu bagaimanapun tidak mengakibatkan sebarang kejadian tidak diingini kepada pengguna jalan berkenaan.

Tinjauan *BH* di tempat kejadian mendapati, laluan berkenaan yang terletak berdekatan Masjid Meranti terbelah dua dengan runtuhan selebar dua dengan runtuhan selebar dua dengan kira-kira tiga meter.

Laluan ditutup

Difahamkan, laluan itu ditutup kepada lalu lintas sebaik kejadian yang dipercayai berlaku kira-kira jam 2 petang.

Seorang penduduk yang mahu dikenali sebagai Hafiz, berkata dia melalui jalan itu jam 1.30 petang semalam dan



Jambatan Kampung Batu 9, Sungai Rasau Pulau Meranti runtuh akibat hakisan air sungai berkenaan yang menyebabkan jalan terpaksa ditutup bagi mengelakkan bahaya kepada pengguna jalan, semalam.

[FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH]

dapat berasakan ia seperti bergoyang.

“Saya terus menghubungi Ketua Kampung untuk memberitahu perkara itu, namun terkejut apabila dimaklumkan ia runtuh setengah jam kemudian.

“Mujurlah pada masa itu tidak ada kenderaan yang lalu kerana kebiasaannya pada masa itu, jalan berkenaan digunakan pelajar yang pulang dari sekolah,” katanya.

Masalah enam bulan lalu

Hafiz berkata, dia menyedari mengenai masalah tanah di kawasan itu sejak enam bulan

lalu selepas mendapati kewujudan lubang seluas satu meter di sebelah kiri jalan.

Katanya, difahamkan aduan kepada pihak berkuasa sudah beberapa kali dibuat, namun tiada tindakan diambil walaupun jalan itu sering digunakan orang ramai yang mahu ke Puchong, manakala laluan bertentangan ke arah Putrajaya dan Cyberjaya.

Seorang lagi penduduk, Saiful Wan Mohd Rosli, 40, berkata laluan berkenaan juga sering digunakan kenderaan terutama lori yang keluar masuk ke kawasan berkenaan.

Sementara itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Dengkil, Datuk Marsum Paing yang turut melawat tempat kejadian ketika dihubungi berkata, tindakan segera sudah diambil untuk membaiki jambatan berkenaan, membabitkan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang), Jabatan Kerja Raya (JKR) serta Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS).

“Laluan itu ditutup sementara waktu kerana ia tidak selamat untuk digunakan dan orang ramai boleh menggunakan laluan alternatif untuk ke Putrajaya, Cyberjaya dan Puchong,” katanya.